



26 Disember 2013
26 December 2013
P.U. (A) 374

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (PINDAAN JADUAL) (NO. 2) 2013

RENEWABLE ENERGY (AMENDMENT OF SCHEDULE) (NO. 2) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

PERINTAH TENAGA BOLEH BAHARU (PINDAAN JADUAL) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Tenaga Boleh Baharu (Pindaan Jadual) (No. 2) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Penggantian Jadual

2. Jadual kepada Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [*Akta 725*] digantikan dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL

(Seksyen 2)

SUMBER BOLEH BAHARU, KADAR TARIF GALAKAN, TEMPOH BERKUAT KUASA DAN
KADAR PENGURANGAN TAHUNAN

Ruang Pertama	Ruang Kedua	Ruang Ketiga	Ruang Keempat	Ruang Kelima
Sumber boleh baharu	Perihal pepasangan tenaga boleh baharu yang layak	Kadar tarif galakan (dalam ringgit bagi setiap kilowatt jam)	Tempoh berkuat kuasa (bermula dari tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan)	Kadar pengurangan tahunan
Biogas	(a) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang:	<i>Kadar tarif galakan asas</i>		

	(i) sehingga dan termasuk 4 megawatt	0.3184	16 tahun	0%
	(ii) melebihi 4 megawatt, dan sehingga dan termasuk 10 megawatt	0.2985	16 tahun	0%
	(iii) melebihi 10 megawatt, dan sehingga dan termasuk 30 megawatt	0.2786	16 tahun	0%
	(b) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai mana-mana satu atau lebih kriteria yang berikut sebagai tambahan kepada (a) di atas:	<i>Kadar tarif galakan bonus sebagai tambahan kepada kadar tarif galakan asas</i>		
	(i) penggunaan teknologi enjin gas dengan kecekapan elektrik melebihi 40%	+ 0.0199	16 tahun	0%
	(ii) penggunaan teknologi enjin gas yang dibuat atau dipasang secara tempatan	+ 0.05	16 tahun	0%
	(iii) penggunaan tapak pelupusan, gas kumbahan atau sisa pertanian termasuk sisa haiwan sebagai sumber bahan api	+ 0.0786	16 tahun	0%
Biojisim	(a) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang:	<i>Kadar tarif galakan asas</i>		
	(i) sehingga dan termasuk 10 megawatt	0.3085	16 tahun	0%
	(ii) melebihi 10 megawatt, dan sehingga dan termasuk 20 megawatt	0.2886	16 tahun	0%
	(iii) melebihi 20 megawatt, dan sehingga dan termasuk 30 megawatt	0.2687	16 tahun	0%
	(b) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai mana-mana satu atau lebih kriteria yang berikut sebagai tambahan kepada (a) di atas:	<i>Kadar tarif galakan bonus sebagai tambahan kepada kadar tarif galakan asas</i>		
	(i) penggunaan teknologi	+ 0.0199	16 tahun	0%

	pengegasan			
	(ii) penggunaan sistem penjanaan elektrik berasaskan stim dengan kecekapan keseluruhan melebihi 20%	+ 0.01	16 tahun	0%
	(iii) penggunaan dandang atau alat pengegas yang dibuat atau dipasang secara tempatan	+ 0.05	16 tahun	0%
	(iv) penggunaan sisa pepejal sebagai sumber bahan api	+ 0.0982	16 tahun	0%
Hidrokuasa kecil		<i>Kadar tarif galakan asas</i>		
	(a) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang sehingga dan termasuk 10 megawatt	0.24	21 tahun	0%
	(b) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang melebihi 10 megawatt, dan sehingga dan termasuk 30 megawatt	0.23	21 tahun	0%
Fotovolta suria	(a) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang:	<i>Kadar tarif galakan asas</i>		
	(i) sehingga dan termasuk 4 kilowatt (individu)	1.1316	21 tahun	10%
	(ii) melebihi 4 kilowatt, dan sehingga dan termasuk 12 kilowatt (individu)	1.1040	21 tahun	10%
	(iii) sehingga dan termasuk 4 kilowatt (bukan individu)	1.1316	21 tahun	10%
	(iv) melebihi 4 kilowatt, dan sehingga dan termasuk 24 kilowatt (bukan individu)	1.1040	21 tahun	10%
	(v) melebihi 24 kilowatt, dan sehingga dan termasuk 72 kilowatt (bukan individu)	0.9440	21 tahun	10%
	(vi) melebihi 72 kilowatt, dan sehingga dan termasuk 1 megawatt (bukan individu)	0.9120	21 tahun	10%

	(vii) melebihi 1 megawatt, dan sehingga dan termasuk 10 megawatt (bukan individu)	0.76	21 tahun	10%
	(viii) melebihi 10 megawatt, dan sehingga dan termasuk 30 megawatt (bukan individu)	0.68	21 tahun	10%
	(b) Pepasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai mana-mana satu atau lebih kriteria yang berikut sebagai tambahan kepada (a) di atas:	<i>Kadar tarif galakan bonus sebagai tambahan kepada kadar tarif galakan asas</i>		
	(i) penggunaan sebagai pemasangan dalam bangunan atau struktur bangunan	+ 0.2392	21 tahun	10%
	(ii) penggunaan sebagai bahan bangunan	+ 0.23	21 tahun	10%
	(iii) penggunaan modul fotovolta suria yang dibuat atau dipasang secara tempatan	+ 0.05	21 tahun	0%
	(iv) penggunaan alat penyongsang suria yang dibuat atau dipasang secara tempatan	+ 0.05	21 tahun	0%
Geoterma	Pemasangan tenaga boleh baharu yang mempunyai kapasiti terpasang sehingga dan termasuk 30 megawatt	<i>Kadar tarif galakan asas</i>		
		-	-	-

Semua pengiraan perantaraan dan kadar tarif galakan dalam ringgit bagi setiap kilowatt jam yang muktamad di bawah Jadual ini hendaklah dibundarkan kepada empat tempat perpuluhan dan jika angka pada tempat perpuluhan yang kelima ialah lima atau lebih, pembundaran hendaklah dengan satu pada tempat perpuluhan yang keempat. ”.